



PENUNTUT Universiti Sains Islam Malaysia menyertai misi kembara Global Islamic Student Outreach (GISO) di Makassar, Indonesia, baru-baru ini.

Pelajar USIM sertai misi ilmu di Makassar

SEREMBAN 10 Mac - Seramai 20 ahli Kelab Pembimbing Rakan Universiti (PRU) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menjayakan misi kembara Global Islamic Student Outreach (GISO) di Makassar, Indonesia, baru-baru ini.

Misi bertemakan *Merentas Samudera Mencari Permata* itu dilakukan bagi memberi peluang kepada pelajar USIM bersama pegawai pengiring dari Unit Psikologi Kaunseling dan Kerjaya di Bahagian Hal Ehwal Pelajar universiti itu, mengenali lebih dekat budaya dan aktiviti masyarakat di negara berkenaan.

Pengarah program, Azwan Ali berkata, pengembaraan GISO itu memberi pendedahan kepada pelajar mengenali keadaan baharu di negara yang dilawati.

"Kami bukan hanya menjalankan program di USIM dan sekitarnya malah boleh merentas dunia menyebarkan ilmu dengan cara tersendiri iaitu dengan mengangkat konsep pendekatan bimbingan psikologi dan kaunseling.

"Itu adalah permata yang dicari kerana pelajar bukan sahaja mempelajari budaya masyarakat di sana tapi nilai menjalinkan hubungan antara ahli kelab dan masyarakat di negara itu," katanya.

Tambahnya, pengembaraan USIM GISO bagi Kelab Pembimbing Rakan Universiti USIM itu bertujuan memberi pendedahan sebenar kepada pelajar tentang pelaksanaan aktiviti melibatkan diri bersama masyarakat ataupun pertukaran ilmu yang berimpak tinggi di peringkat antarabangsa.

"Pelajar bertemu pelbagai lapisan masyarakat di beberapa daerah sekitar Makassar. Itu telah memberi pengalaman baru yang tidak ternilai bagi kesemua pelajar serta dapat memupuk rasa cintakan tanahair," jelasnya.

Turut diadakan ialah dialog siswa bersama mahasiswa dari Universiti Hasanuddin (UNHAS) selain program mendekati pelajar di Yayasan Al-Islami Center, Panti Asuhan At-Tin, Perkampungan Kelurahan Pattapang, Malino dan Perkampungan Ramang-Ramang.

Katanya, pelajar juga dapat beramah mesra dengan penduduk di situ malah pelajar USIM turut menyumbang kepakaran melalui aktiviti pembelajaran Bahasa Inggeris, Smart Tajwid, gaya hidup sihat dan terapi seni.